

**Ucapan: 15/10/2017**

**Program Kesukarelawanan 1M4U-PUSPANITA 2017**

**KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara/saudari pengacara majlis,

**Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Rohani Abdullah**

Yang Dipertua PUSPANITA

**Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi Bin Rohani**

Setiausaha Kerajaan merangkap Penasihat PUSPANITA

Cawangan Negeri Johor

**Yang Berbahagia Datin Dr. Hajah Noor Azizah Abdul Latiff**

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Johor

Ahli – ahli Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA; dan

Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil media dan seterusnya para hadirin dan peserta iM4U yang saya hormati sekalian,

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T atas limpah rahmat kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bersama – sama berkumpul di Dewan Seri Temenggong, Institut Pendidikan Guru, Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI) pada hari ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada PUSPANITA kerana memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Majlis Penutup Program iM4U PUSPANITA “Belia Aktif, Masyarakat Sejahtera” ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Ini merupakan tahun kelima PUSPANITA Kebangsaan bersama beberapa cawangan PUSPANITA bergabung dalam mengadakan Program Kesukarelawanan iM4U. Bermula tahun 2013, sekretariat iM4U bersama cawangan-cawangan PUSPANITA di seluruh negara telah berganding bahu dalam menjayakan program dan aktiviti kesukarelawanan di seluruh Negara.
4. Usaha seumpama ini bukan sahaja bertepatan dengan usaha PUSPANITA dalam **Merakyatkan PUSPANITA** malah jalinan kolaborasi ini adalah sejajar dengan semangat **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategi (NBOS)**.
5. Strategi NBOS ini merupakan pendekatan yang telah diilhamkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita dengan menerapkan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif dengan tiga prinsip utama iaitu **berimpak tinggi (high impact), pelaksanaan pantas (rapid execution) dan kos rendah (low cost)**.
6. Pada hari ini, saya cukup berbangga kerana program ini dapat diadakan bersama – sama pelatih IPG dan masyarakat setempat. Program seumpama ini bukan mengeratkan hubungan antara peserta malah meluaskan jaringan *networking* di antara satu sama lain.

7. Saya difahamkan, Program iM4U PUSPANITA “Belia Aktif, Masyarakat Sejahtera” ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, pengertian tanggungjawab sosial, serta membina stamina dan kecerdasan minda melalui program-program dan aktiviti kebajikan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Saya juga melihat, terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti mahupun program yang dilaksanakan oleh peserta iM4U antaranya, membina Taman Ilmu yang interaktif, gotong royong membersihkan surau dan menghijaukan bumi dengan menanam pelbagai jenis pokok. Ini membuktikan bahawa **ahli – ahli PUSPANITA sentiasa aktif dan relevan di mana sahaja**. Syabas saya ucapkan.
9. Sebagai sebuah persatuan berkebakikan, PUSPANITA sentiasa memberikan sumbangan kebajikan kepada ahli dan masyarakat semasa program – program ini diadakan. Saya juga difahamkan, pada hari ini PUSPANITA berbesar hati untuk memberikan sumbangan kebajikan kepada Institut Pendidikan Guru, Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru dan ahli keluarga PUSPANITA yang menghidap penyakit kronik. Atas keprihatinan PUSPANITA dalam memberikan sumbangan ini, Syabas diucapkan. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak membantu untuk meringankan beban kepada ahli keluarga yang terlibat.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Institut Pendidikan Guru, Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru atas

kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Penasihat – penasihat PUSPANITA Cawangan, Pengerusi – pengerusi PUSPANITA Cawangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penerangan, Polis DiRaja Malaysia dan Jawatankuasa Kerja Program iM4U PUSPANITA IPGKTI dan semua pihak sama ada terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Sekian, dengan lafaz bismillahirrahmannirrahim, saya **merasmikan Majlis Penutupan Program iM4U PUSPANITA “Belia Aktif, Masyarakat Sejahtera”** pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19148/Program-Kesukarelawanan-1M4U-PUSPANITA-2017>